

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN KENDERAAN M.P.V. BERJENAMA NAZA KE 2**  
**DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR**  
**18 JANUARI 2005**

-----

BISMILLAHIR RAHMAN NIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YBHG. TAN SRI SM NASIMUDDIN SM AMIN  
PENGARAH URUSAN, KUMPULAN SYARIKAT NAZA

H.E. MR. LEE YOUNG-JUNE  
AMBASSADOR OF THE REPUBLIC OF KOREA TO MALAYSIA

MR. J.M. PARK  
EXECUTIVE VICE PRESIDENT, KIA MOTORS CORPORATION

YBHG. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN ISMAIL  
PENGERUSI, NAZA KIA SDN BHD

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA PADA PETANG INI. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KUMPULAN NAZA DAN NAZA KIA SDN. BHD. KERANA TELAH SUDI MENGUNDANG SAYA UNTUK MENYEMPURNAKAN UPACARA PELANCARAN SATU LAGI KENDERAAN PELBAGAIGUNA (M.P.V.) BERJENAMA 'NAZA'.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

2. INDUSTRI AUTOMOTIF TELAH LAMA BERTAPAK DI MALAYSIA DENGAN TERTUBUHNYA PELBAGAI KILANG PEMASANGAN DAN PEMBUATAN YANG KEBANYAKANNYA BERASASKAN TEKNOLOGI YANG DITERAP DAN DIUBAHSUAI DARIPADA NEGARA JEPUN. NAMUN, BERDASARKAN INFRASTRUKTUR YANG BAIK DAN SUMBER TENAGA YANG MAHIR, SERTA DIDORONG OLEH PENINGKATAN KUASA PEMBELI, LEBIH BANYAK FIRMA AUTOMOTIF DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN YANG TELAH MEMILIH MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN MEREKA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

3. INDUSTRI AUTOMOTIF MERUPAKAN SALAH SATU INDUSTRI BERTARAF GLOBAL DI MANA SAINGAN DAN CABARAN SEMAKIN HEBAT, TERUTAMANYA DI ERA

GLOBALISASI DAN LIBERALISASI INI. PILIHAN UNTUK PARA PEMBELI SEMAKIN BERTAMBAH, DENGAN PELBAGAI JENAMA DAN JENIS KENDERAAN YANG DITAWARKAN, PADA HARGA DAN TERMA YANG SANGAT KOMPETITIF. KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN KEPADA INDUSTRI AUTOMOTIF TEMPATAN – TERMASUK PARA PEMBUAT DAN PEMASANG YANG KINI BEROPERASI – DEMI UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN TAHAP DAYA SAING INDUSTRI INI LAGI.

4. SELARAS DENGAN ITU, KERAJAAN SEDANG MENGGUBAL SATU DASAR AUTOMOTIF NASIONAL YANG AKAN MEMBERI GAMBARAN YANG JELAS KEPADA SEMUA PIHAK AKAN WAWASAN DAN HALATUJU INDUSTRI AUTOMOTIF DALAM NEGARA. KITA INGIN MELIHAT INDUSTRI AUTOMOTIF TEMPATAN TERUS MELANGKAH MAJU DAN TERUS KUKUH. UNTUK MENCAPI HASRAT INI, INDUSTRI AUTOMOTIF TEMPATAN JUGA MEMERLUKAN PERANCANGAN YANG RAPI DAN KOMITMEN YANG TINGGI SERTA KERJASAMA YANG ERAT DI KALANGAN SEMUA PIHAK IAITU DI ANTARA PEKILANG TEMPATAN, RAKAN-KONGSI ASING, PARA VENDOR DAN PEMBEKAL SERTA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT. SAYA PERCAYA SEKIRANYA KITA BERUSAHA DENGAN TEKUN DAN GIGIH, KITA MAMPU MENCAPI HASRAT UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH PUSAT AUTOMOTIF SERANTAU.

5. TO THE MANAGEMENT AND REPRESENTATIVES OF KIA MOTORS CORPORATION PRESENT HERE TODAY, IT IS MY SINCERE HOPE THAT THE CLOSE COOPERATION BETWEEN KIA MOTORS AND NAZA KIA SDN. BHD. CONTINUES TO GROW AND FLOURISH. I HOPE WE WILL CONTINUE TO SEE COMMITMENT FROM KIA MOTORS IN THE MEANINGFUL TRANSFER OF SKILLS AND TECHNOLOGY AS WELL AS OTHER ASSISTANCE. IN DOING SO, KIA MOTORS WOULD CONTRIBUTE SIGNIFICANTLY TOWARDS MY GOVERNMENT'S VISION OF MAKING MALAYSIA A REGIONAL AUTOMOTIVE HUB. AFTER ALL, MALAYSIA IS ALREADY AN IDEAL LAUNCHING PAD FOR AUTOMOTIVE COMPANIES TO VENTURE INTO THE REGIONAL MARKETS IN ORDER TO TAKE ADVANTAGE OF THE LIBERALISATION PROGRAMME, SUCH AS THOSE UNDER THE ASEAN FREE TRADE AGREEMENT (A.F.T.A.).

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

6. PENGUSAHA AUTOMOTIF TEMPATAN SEHARUSNYA MEMPUNYAI PELAN YANG JITU UNTUK MEMPERTINGKATKAN LAGI DAYA SAING MEREKA DARI SEGI MUTU DAN HARGA, BAIK UNTUK PASARAN TEMPATAN MAHUPUN UNTUK PASARAN ANTARABANGSA. DALAM USAHA INI, INDUSTRI AUTOMOTIF TEMPATAN HARUSLAH LEBIH GIGIH DAN INOVATIF UNTUK MENEROKAI SEGALA ASPEK PENGELUARAN TERMASUK REKACIPTA, KEJURUTERAAN SERTA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D).

7. SAYA SENTIASA MENYARANKAN PERI PENTINGNYA BUDAYA BERPRESTASI TINGGI DAN KUALITI KERJA TINGGI DI SETIAP LAPISAN SYARIKAT, TERUTAMANYA BAGI SYARIKAT-SYARIKAT YANG INGIN BERSAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA. DI DALAM HAL INI, SAYA BERHARAP PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN NAZA AKAN TERUS MENINGKATKAN MUTU KERJA MEREKA. INI BUKAN SEKADAR TERHAD KEPADA TENAGA KERJA DI PERINGKAT PENGELUARAN SAHAJA, MALAH

MERANGKUMI SEMUA ASPEK OPERASI SYARIKAT SEPERTI KHIDMAT JUALAN DAN KHIDMAT PELANGGAN. SEMUA KAKITANGAN YANG TERLIBAT HARUS JUGA MENGAMALKAN PRINSIP DAN ETIKA KERJA YANG BERINTEGRITI DAN BERTANGGUNGJAWAB.

8. DALAM PADA ITU, INDUSTRI AUTOMOTIF TEMPATAN PERLU DISOKONG OLEH PARA VENDOR DAN PEMBEKAL YANG MAMPU MEMBEKALKAN KOMPONEN YANG BERMUTU DENGAN HARGA YANG BERPATUTAN, AGAR KENDERAAN BUATAN TEMPATAN MAMPU BERSAING DI PASARAN. USAHA KUMPULAN NAZA UNTUK MEMBAWA VENDOR-VENDOR MENDIRIKAN KILANG-KILANG MEREKA BERHAMPIRAN DENGAN KILANG NAZA AUTOMOTIVE MANUFACTURING SDN. BHD. ADALAH SALAH SATU USAHA UNTUK MENJIMATKAN KOS DAN MENINGKATKAN LAGI MUTU PENGELUARAN, DI SAMPING MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN KAWASAN-KAWASAN SEPERTI GURUN, KEDAH.

9. SELAIN ITU, KEHENDAK DAN KEPUASAN PARA PELANGGAN HARUSLAH SENTIASA DIUTAMAKAN. PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN PRODUK TERKINI DALAM SEGALA ASPEK PENGELUARAN BUKAN SAHAJA DAPAT MENJAMIN PENGELUARAN YANG EFISIEN, TETAPI JUGA DAPAT MEMENUHI CITARASA PELANGGAN MASAKINI. BERBEKALKAN SEMANGAT YANG GIGIH DAN PENEKANAN KEPADA MUTU KELUARAN YANG TINGGI, SAYA YAKIN MALAYSIA DAPAT TERUS MENGHASILKAN KENDERAAN YANG MAMPU BERSAING DI PASARAN GLOBAL.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

10. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DI PELANCARAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA LEMBAGA PENGARAH DAN SEMUA PEKERJA KUMPULAN NAZA DI ATAS SEMUA USAHA MEREKA SELAMA INI. KEJAYAAN NAZA MENCERMINKAN KEJAYAAN DASAR KERAJAAN YANG INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI USAHAWAN YANG BERJAYA, TERUTAMANYA USAHAWAN BUMIPUTERA YANG BERWIBAWA DAN CEMERLANG DALAM SEKTOR PERKILANGAN.

11. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN KENDERAAN M.P.V. KEDUA DI BAWAH JENAMA 'NAZA' DAN MENAMAKAN MODEL TERSEBUT "CITRA". SAYA TELAH PUN DIMAKLUMKAN OLEH TAN SRI NASIMUDDIN BAHAWA HARGA ATAS-JALAN KENDERAAN TERSEBUT ADALAH 79,888 RINGGIT. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP KENDERAAN PELBAGAIGUNA INI, YANG MENEKANKAN CIRI-CIRI KESELAMATAN DAN KEKELUARGAAN, AKAN MENDAPAT SAMBUTAN YANG BAIK DARI PARA PENGGUNA DI SELURUH NEGARA.

TERIMA KASIH.